

23/01/2002

Rangkaian usahawan AS tawar tempat latihan

PUTRAJAYA, Selasa - The IndUS Entrepreneurs (TiE), rangkaian usahawan dan profesional global yang berpusat di Lembah Silikon, Amerika Syarikat, menawarkan tempat latihan kepada usahawan Malaysia dalam syarikat anggota di sana.

Pengasas dan pengerusi Lembaga Amanah TiE, Kanwal Rekhi, berkata menerusi langkah itu, usahawan Malaysia dapat mempelajari pengurusan perniagaan teknologi maklumat (IT) dalam usaha muncul sebagai usahawan global yang berjaya.

Kanwal berkata, Malaysia akan mendapat banyak faedah daripada program itu dan kemunculan usahawan tempatan yang berjaya dapat membantu pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Saya sudah melihat usahawan dari China dan Filipina di Lembah Silikon tetapi tiada rakyat Malaysia, Thai atau Indonesia," katanya selepas kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di pejabatnya di sini hari ini.

Pada pertemuan itu, Dr Mahathir turut merasmikan pelancaran TiE Malaysia Chapter.

TiE ditubuhkan usahawan dari Lembah Indus yang berpusat di Lembah Silikon bagi membantu rakan senegara dari India, Bangladesh dan Pakistan, membangunkan kemahiran keusahawanan.

(END)